

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH JAWAPAN : 19 MAC 2015 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada *Project 3B* untuk membina loji tenaga yang telah diberikan kepada 1MDB akan diberikan kepada Tenaga Nasional Berhad memandangkan ketidakupayaan 1MDB untuk mendapatkan pembiayaan untuk projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek 3B atau juga dikenali sebagai loji jana kuasa Jimah Timur merupakan cadangan projek yang melibatkan penjanaan 2000 megawatt (MW) berasaskan arang batu yang akan dibina berdekatan dengan loji jana kuasa sedia ada di Mukim Jimah, Port Dickson, Negeri Sembilan. Konsortium yang dimiliki oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Mitsui Corporation Limited, yang dikenali sebagai Jimah East Power Sdn. Bhd. (JEP) telah diberikan mandat pada 3 Jun 2014 untuk melaksanakan pembinaan Projek 3B. Stesen Jana Kuasa ini akan mula beroperasi secara berfasa pada Oktober 2018 (Unit 1 - 1,000MW) dan April 2019 (Unit 2 - 1,000MW).

2. Walau bagaimanapun, pada 23 Februari 2015, Kementerian difahamkan bahawa pihak 1MDB sedang menghadapi masalah dan kekangan dalam melaksanakan Projek 3B berikutan:

- (i) proses perbincangan mengenai isu pengorekan pasir dengan Kerajaan Negeri bagi penambakan termasuk kadar royalti pasir mengambil masa yang panjang; dan
- (ii) ketidaktentuan kadar pertukaran matawang dan kadar faedah yang menyebabkan pengurangan yang signifikan dalam pulangan projek dan pemegang saham.

3. Di samping itu, pihak 1MDB juga memaklumkan bahawa Program Sukuk Murabahah yang bernilai RM8.4 bilion kini juga dalam keadaan lemah dan menjadi cabaran kepada pihak JEP untuk mendapatkan pembiayaan Projek 3B dan menjejaskan kebolehlaksanaan projek ini bagi mencapai *financial close*, dengan izin.

4. Kekangan yang wujud telah menyebabkan 1MDB tidak dapat menepati tarikh mula tugas komersil (*Scheduled Commercial Operation Date* - SCOD) yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga apabila pihak 1MDB diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan projek ini bagi memenuhi keperluan permintaan tenaga masa hadapan.

5. Dalam hal ini, pihak 1MDB masih dalam perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi memainkan peranan sebagai *lead*

player, dengan izin, dalam konsortium JEP supaya projek dapat terus dilaksanakan dan mencapai tarikh mula operasi komersil seperti yang dirancang. Sehubungan dengan ini, belum ada sebarang keputusan muktamad sama ada projek ini akan diberikan kepada Tenaga Nasional Berhad atau pun tidak.

6. Sukacita ditegaskan di sini bahawa Kementerian sentiasa memantau pelaksanaan sebarang projek bagi memastikan ia menepati skop dan disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi menepati perancangan bekalan tenaga elektrik negara. Ini termasuk meneliti dengan rapi aspek kewangan dan teknikal sesuatu permohonan untuk membina loji-loji jana kuasa sebelum permohonan pembinaan dipersetujui.